

11/12/1999

Polis Perlis sahkan bukan PM

Fazli Arman

KANGAR, Jumaat - Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Polis Negeri mengesahkan seorang anggotanya adalah individu yang didakwa oleh Harakah sebagai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam gambar Bernama yang disiarkan di muka depan Berita Minggu pada 28 November lalu.

Ketua Polis Negeri, Senior Asisten Komisioner I Datuk Syed Mohktar Barakhbah, berkata gambar itu ialah seorang daripada anggota keselamatan ketika lawatan Perdana Menteri ke Perlis pada 27 November lalu.

"Saya turut berada di tempat itu dan muka saya pun ada dalam gambar yang disiarkan itu. Memang itulah keadaan sebenarnya yang tiada tokok tambah langsung.

"Orang yang dikatakan sebagai Dr Mahathir itu adalah anggota polis yang mengawal keselamatan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali," katanya kepada Berita Harian di sini, hari ini.

Harakah dalam keluarannya 6 Disember menyiarkan semula gambar itu dengan membulatkan dua wajah yang ia dakwa kedua-duanya adalah Dr Mahathir.

Lidah rasmi Pas itu juga mencabar Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Datuk A Kadir Jasin, memohon maaf kerana bertindak demikian sekiranya beliau beretika.

Bagaimanapun Selasa lalu, Pemangku Pengurus Besar/Ketua Pengarang Bernama, Syed Jamil Jaafar, dalam satu kenyataan kesal dengan tuduhan tanpa usul periksa lidah rasmi Pas itu.

Katanya, dakwaan tanpa usul periksa itu adalah tidak bertanggungjawab dan telah menjejaskan kewibawaan Bernama dengan cara yang sangat tidak adil.

(END)